



Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia
Malaysian Communications and Multimedia Commission
Off Persiaran Multimedia
63000 Cyberjaya, Selangor Darul Ehsan, Malaysia
T: +603 8688 8000 F: +603 8688 1000

W: www.skmm.gov.my

Kenyataan Media

Press Release

For Immediate Release

MAJLIS PELANCARAN KOMPUTER 1MALAYSIA DAN PELAN TRANSFORMASI PERKHIDMATAN POS PERINGKAT NEGERI SABAH

Pulau Banggi, 15 Julai 2010 – Kementerian Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan (KPKK) melalui agensinya Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) dengan kerjasama Pos Malaysia Berhad telah mengadakan Majlis Pelancaran Komputer 1Malaysia dan Pelan Transformasi Pos Peringkat Negeri Sabah di Dewan Terbuka Kampung Karakit, Pulau Banggi di Kudat, Sabah.

Majlis pelancaran ini telah disempurnakan oleh Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan, Y.B. Dato' Seri Utama Dr. Rais Yatim, dan disaksikan oleh Encik Matius Sator, Setiausaha Tetap, Kementerian Pembangunan Sumber dan Teknologi Maklumat Sabah, bersama Tan Sri Khalid bin Ramli, Pengerusi SKMM dan Dato Syed Faisal Albar, Pengarah Urusan Korporat Pos Malaysia Berhad.

Pelancaran Komputer Riba 1Malaysia adalah satu inisiatif di bawah NBI yang dilihat mampu membantu mencapai sasaran penembusan jalur lebar seterusnya meningkatkan pertumbuhan ekonomi negara dan negeri Sabah khususnya.

Kerajaan melalui SKMM telah memperuntukkan sejuta komputer riba 1Malaysia untuk diagihkan kepada pelajar sekolah menengah yang

berkelayakan termasuk pelajar sekolah menengah yang kurang bernasib baik dan kepada golongan berpendapatan rendah untuk mereka mendapat akses Internet jalur lebar.

Sasaran Pelan Jalur Lebar Negara adalah untuk meningkatkan keupayaan prasarana jalur lebar yang membawa kemudahan pencapaian Internet kepada juga perniagaan dan rakyat secara keseluruhannya. Sasaran kita adalah untuk mencapai 50 peratus penembusan Internet daripada keseluruhan isi rumah di Malaysia menjelang penghujung tahun 2010.

Bagi fasa pertama untuk negeri Sabah, pengagihan komputer riba 1Malaysia diedarkan melalui 20 buah Pusat Jalur Lebar Komuniti (PJK) di mana 500 komputer riba untuk setiap PJK. Jumlah keseluruhan komputer riba 1Malaysia yang diagihkan bagi fasa pertama untuk Negeri Sabah adalah sebanyak 10,000 komputer.

Pada majlis tersebut, Y.B. Dato' Seri Utama Dr. Rais Yatim telah menyampaikan sumbangan Komputer 1Malaysia kepada pelajar-pelajar sekolah dan juga sumbangan komputer kepada wakil-wakil ADUN Negeri Sabah.

Menurut YB Dato' Seri Utama Dr. Rais Yatim, "Kadar penembusan jalur lebar di Sabah kini adalah 17.3% di mana sasaran pada penghujung 2010 adalah sebanyak 30.1%. Melihat situasi ini, pada hemah saya, dalam era menuju negara maju, mahu tidak mahu kadar pemilikan komputer dan penembusan jalur lebar harus ditingkatkan. Barulah nanti masyarakat kita celik IT, setanding dengan rakyat di negara maju yang lain."

Selain pelancaran komputer riba 1Malaysia, terdapat pelbagai usaha lain yang dilakukan bagi meningkatkan infrastruktur komunikasi bagi masyarakat di luar bandar. Selain perkhidmatan selular dan kemudahan jalur lebar, kemudahan perkhidmatan pos asas di kawasan luar bandar turut menjadi

agenda utama dalam meningkatkan kemudahan komunikasi penduduk luar bandar.

Turut dilancarkan Projek Kampung WiFi yang menyediakan kemudahan sambungan Internet tanpa wayar di mana syarikat pembekal perkhidmatan komunikasi, Pernec Paypoint Sdn Bhd, meletakkan antena wi-fi di atas bumbung sekolah bagi memudahkan penggunaan jalur lebar bagi pelajar sekolah dan penduduk di Kampung Karaket. Dengan kemudahan Kg Wi-Fi mereka dapat mengakses jalur lebar dengan kelajuan sehingga 4Mbps dalam lingkungan jarak sekitar radius 50 meter daripada kawasan sekolah tersebut.

Katanya Yang Berhormat Dato' Seri Utama Dr Rais Yatim, "Usaha ini membolehkan rakyat di kawasan-kawasan luar bandar dapat menikmati dan mengambil faedah kemudahan ICT sepertimana mereka yang berada di bandar sebagai mangkin untuk meningkatkan kualiti hidup mereka."

Pada majlis tersebut YB Dato' Seri Utama Dr. Rais Yatim melancarkan Pelan Transformasi Perkhidmatan Pos Peringkat Sabah atau dikenali sebagai PTPS. Pelaksanaan Pelan Transformasi Pos di negeri Sabah bakal memperlihatkan jumlah Posmen Komuniti seramai 200 orang, Wakil Pos seramai 580 orang dan Pejabat Pos Bergerak (PBB) berjumlah 5 unit.

Usaha ini selari dengan misi Rancangan Malaysia Kesepuluh yang dibentangkan oleh YAB Perdana Menteri iaitu menuju ke arah pembangunan sosioekonomi secara inklusif dan mewujudkan persekitaran ke arah meningkatkan kualiti hidup.

Upacara pelancaran pelan tersebut diadakan dengan melancarkan Posmen Komuniti dan Perlantikan wakil Pos bagi negeri tersebut. Pos Malaysia telah mewujudkan projek perintis Posmen Komuniti di Pulau Banggi sejak lebih sebulan yang lalu yang melihat perlantikan 2 orang posmen komuniti dan 16 orang wakil pos komuniti untuk meningkatkan perkhidmatan pos kepada

20,000 orang penduduk di pulau tersebut. Projek ini mendapat sokongan yang amat jitu daripada penduduk tempatan.

Selain itu, program penjenamaan akan dilaksanakan bagi memberi imej yang segar kepada profesyen Posmen Komuniti selari dengan Gagasan 1Malaysia – “Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan” disamping meningkatkan lagi imej Kerajaan dan Pos Malaysia yang prihatin kepada keperluan rakyat luar bandar.

Y.B. Dato’ Seri Utama Dr. Rais Yatim dalam ucapan beliau menyeru agar lebih ramai lapisan masyarakat supaya meneroka dunia luar serta menguasai maklumat dengan kemahiran Teknologi Maklumat atau ICT seumur hidup. Menurut beliau, “Penyediaan kemudahan komunikasi ini adalah ke arah mencapai inisiatif kebangsaan dalam merapatkan jurang digital di antara masyarakat Bandar dan luar Bandar, selaras matlamat digariskan di bawah Pelan Jalur Lebar Negara.”

“ Kementerian melalui SKMM dan Pos Malaysia akan terus melaksanakan projek-projek infrastruktur komunikasi di Sabah untuk meningkatkan lagi liputan dan capaian perkhidmatan telekomunikasi, jalur lebar dan juga pos. Seperti yang saya katakan tadi, pada asasnya, Kerajaan begitu prihatin terhadap perlunya semua rakyat menikmati kemudahan komunikasi tanpa mengira kedudukan lokasi atau taraf sosioekonomi mereka. Ini penting untuk memenuhi dasar kerajaan ke arah mewujudkan masyarakat bermaklumat selaras dengan konsep ekonomi berpengetahuan atau k-ekonomi,” tambah beliau.

[Tamat]

Nota kepada Editor:

¹ Sekiranya organisasi anda ingin memetik kenyataan daripada Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) untuk sesuatu artikel mahupun bahan berita, petikan tersebut haruslah merujuk kepada SKMM sebagai sebuah organisasi dan bukan mana-mana pegawai

SKMM melainkan sekiranya jurucakap rasmi SKMM ada dinyatakan di dalam kenyataan akhbar atau sebarang maklumbalas rasmi kepada media. Harap maklum. Terima kasih.

Mengenai Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM)

SKMM adalah sebuah badan berkanun ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia 1998 (AKM) yang melaksana dan mempromosikan matlamat dasar kebangsaan Malaysia bagi sektor komunikasi dan multimedia. SKMM mengawalselia dan menggalakkan pembangunan industri komunikasi dan multimedia yang merangkumi bidang telekomunikasi, penyiaran, dan juga perkhidmatan internet, pos dan pensijilan digital.

AKM mengadakan peruntukan kepada SKMM peranan melaksanakan dasar, manakala kuasa membuat keputusan tentang dasar diperuntukkan kepada Menteri. Menteri boleh juga mengeluarkan arahan mengenai dasar kepada Suruhanjaya.

Untuk maklumat lanjut, layari www.skmm.gov.my

Untuk penjelasan lanjut, sila hubungi:

Zeti Marziana Muhamed
Pengarah, Jabatan Komunikasi Korporat
Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia

Wan Seri Rahayu Wan Mohd Said
Jabatan Komunikasi Korporat
Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia

T: +603 8688 8000

F: +603 8688 1007

E: ccd@cmc.gov.my

Maklumat NBI

Sasaran Inisiatif Jalur Lebar Kebangsaan adalah untuk mencapai 50 peratus penembusan jalur lebar isi rumah menjelang akhir tahun 2010. Inisiatif Jalur Lebar Kebangsaan bermatlamat untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah masyarakat berpengetahuan ke arah menuju ekonomi berpendapatan tinggi menjelang 2020.

Malaysia memerlukan jalur lebar supaya dapat menyumbang impak ketara kepada KDNK negara: Mencapai 50 peratus penembusan jalur lebar isi rumah pada 2010 boleh menyumbang 1 peratus kepada KDNK negara dan mencipta 135,000 pekerjaan baru pada 2010.

Jalur Lebar Berkelajuan Tinggi (HSBB) akan dilaksanakan di kawasan-kawasan tertentu untuk tujuan perniagaan dan ekonomi sementara pendekatan lain adalah Jalur Lebar untuk Masyarakat Umum (BBGP).

NBI membahagikan negara kepada tiga zon. Zon satu melibatkan kawasan ekonomi berimpak tinggi seperti kawasan tengah Lembah Klang dan Wilayah Pembangunan Iskandar di Johor. Zon Dua membabitkan kawasan bandar dan separa bandar yang lain manakala Zon Tiga melibatkan kawasan luar bandar.

Telekom Malaysia akan menawarkan jalur lebar berkelajuan tinggi (HSBB) dengan akses 10 Mbps di zon ini. Penduduk di Zon satu juga akan mendapat akses kepada penyelesaian jalur lebar kompetitif yang lain. Empat kawasan awal yang akan diliputi perkhidmatan TM HSBB ialah Shah Alam, Subang Jaya, Taman Tun Dr Ismail dan Bangsar.

Pelan NBI membabitkan inisiatif swasta untuk menawarkan jalur lebar ke kawasan Zon Dua. Penawaran jalur lebar di Zon Tiga akan membabitkan usaha SKMM menggunakan dana Peruntukan Perkhidmatan Sejagat (USP). Peruntukan jalur lebar di kawasan berkenaan termasuk Telefoni Asas (menerusi rangkaian tetap dan mudah alih), Perpustakaan Jalur Lebar Komuniti (CBL) dan Pusat Jalur Lebar Komuniti (CBC).

Liputan selular di kawasan berkenaan akan diperluas dengan membina lebih banyak menara komunikasi yang dibiayai oleh USP bagi membolehkan operator selular meluaskan liputan masing-masing kepada 97 peratus penduduk menjelang 2011.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak telah melancarkan Inisiatif Jalur Lebar Kebangsaan dan Jalur Lebar Berkelajuan Tinggi (HSBB) pada 24 Mac 2010.

Mengenai Komputer 1Malaysia

Pelancaran Komputer Riba 1Malaysia adalah satu inisiatif di bawah NBI yang dilihat mampu membantu mencapai sasaran penembusan jalur lebar seterusnya meningkatkan pertumbuhan ekonomi negara dan negeri Sabah khususnya.

Kerajaan melalui SKMM telah memperuntukkan sejuta komputer riba 1Malaysia untuk diagihkan kepada pelajar sekolah menengah yang berkelayakan termasuk pelajar sekolah menengah yang kurang bernasib baik dan kepada golongan berpendapatan rendah untuk mereka mendapat akses Internet jalur lebar.

Sasaran Pelan Jalur Lebar Negara adalah untuk meningkatkan keupayaan prasarana jalur lebar yang membawa kemudahan pencapaian Internet kepada juga perniagaan

dan rakyat secara keseluruhannya. Sasaran kita adalah untuk mencapai 50 peratus penembusan Internet daripada keseluruhan isi rumah di Malaysia menjelang penghujung tahun 2010. Pembahagian komputer riba 1Malaysia dengan langganan jalur lebar kepada kumpulan sasaran adalah mengikut nisbah berikut:

1) 65% diagihkan kepada pelajar-pelajar yang kurang berkemampuan dengan keutamaan diberi kepada pelajar sekolah menengah kerajaan/bantuan Kerajaan yang masih tiada langganan jalur lebar dengan kerjasama Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM)

2) 35% diagihkan kepada golongan berpendapatan rendah yang tinggal di kawasan kurang liputan serta kawasan yang telah tersedia perkhidmatan dengan sasaran pengagihan meliputi kampung-kampung tradisi, kampung-kampung baru dan pusat penempatan masyarakat setempat.

Pendapatan isi rumah RM3,000 ke bawah dirujuk sebagai penanda aras golongan kurang berkemampuan.

Melalui kerjasama dengan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), pengesahan kelayakan bagi setiap pelajar yang telah disenarai pendek untuk penerimaan komputer riba 1Malaysia akan dilaksanakan berdasarkan kemampuan keluarga, ketiadaan langganan jalur lebar di rumah, serta menepati had 1 pemberian komputer riba 1Malaysia (dengan langganan jalur lebar) bagi 1 isi rumah sahaja.

Melalui kerjasama dengan Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLBW), Ahli Parlimen dan Ahli Dewan Undangan Negeri pengesahan kelayakan bagi setiap penerima yang telah disenarai pendek untuk penerimaan netbook akan dilaksanakan berdasarkan pendapatan isi rumah, ketiadaan langganan jalur lebar di rumah, serta menepati had 1 pemberian komputer riba 1Malaysia (dengan langganan jalur lebar) bagi 1 isi rumah sahaja. Pengagihan komputer riba 1Malaysia akan dibuat kepada mereka-mereka yang telah dikenalpasti oleh pihak-pihak terbabit.